




SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH UTeM ***SCHOOL OF GRADUATE STUDIES, UTeM***

BIASISWA KESIDANG

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menzahirkan inisiatif tinggi membantu menyediakan kemudahan pembiayaan kepada para pelajar tempatan dan antarabangsa di peringkat Kedoktoran dan Sarjana dengan memperkenalkan Biasiswa Kesidang.
- 1.2 Penawaran biasiswa ini akan menjadi salah satu bentuk bantuan kewangan yang disediakan oleh pihak UTeM kepada calon-calon yang berkualiti mengikuti pengajian siswazah.
- 1.3 Biasiswa Kesidang ini juga merupakan inisiatif UTeM untuk meningkatkan bilangan *Graduate on Time (GOT)* pelajar pascasiswazah.

2.0 SKOP BIASISWA

2.1 Biasiswa ini ditawarkan untuk program perdana sepenuh masa (tidak termasuk program pesisir) pascasiswazah yang melibatkan program berikut:

- a) Doktor Falsafah (PhD) sahaja (tidak melibatkan program kedoktoran yang lain);
- b) Sarjana Secara Penyelidikan (MSc); dan
- c) Sarjana Secara Kerja Kursus (tidak termasuk Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)).

2.2 Pembiayaan biasiswa hanya merangkumi Yuran Pelajaran sahaja, tidak termasuk Yuran Pendaftaran, Yuran Peperiksaan, Yuran Perkhidmatan, kadar denda dan lain-lain.

2.3 Pembiayaan biasiswa juga tidak termasuk elaun sara hidup.

3.0 TEMPOH PEMBIAYAAN

3.1 Tempoh pembiayaan biasiswa kesidang adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Tempoh Pembiayaan

Peringkat Pengajian	Tempoh Pembiayaan (Tahun dan Semester)
PhD	3 tahun (6 semester)
Sarjana	2 tahun (4 semester)

4.0 SYARAT PERMOHONAN

4.1 Syarat permohonan Biasiswa Kesidang adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada calon pelajar tempatan dan antarabangsa yang telah menerima tawaran penuh/tawaran bersyarat daripada UTeM dan belum mendaftar di UTeM;
- ii. Pemohon tidak menerima sebarang pembiayaan/pinjaman lain yang membiayai yuran pengajian;
- iii. Pemohon hendaklah mencapai CGPA 3.00 dan ke atas atau setara di peringkat Sarjana Muda untuk permohonan pengajian di peringkat Sarjana.
- iv. Keutamaan diberikan kepada pemohon tempatan yang berpendapatan isi rumah di bawah RM5,000.00;

- v. Bagi pemohon antarabangsa, keutamaan diberikan kepada calon dari negara yang sedang bergolak/miskin.
- vi. Lulus temuduga/penilaian yang ditetapkan.

5.0 PROSES PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan adalah melalui borang permohonan yang disediakan oleh Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) dan disertakan bersama dokumen-dokumen berkaitan.
- 5.2 Permohonan berdasarkan borang/dokumen yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- 5.3 Permohonan hanya boleh dibuat sebelum mendaftar sebagai pelajar.
- 5.4 Permohonan yang dibuat selepas pendaftaran tidak akan dipertimbangkan.

6.0 PEMILIHAN CALON

- 6.1 Pemilihan calon akan dibuat melalui proses temuduga/penilaian dan pemilihan oleh Jawatankuasa Biasiswa Kesidang.
- 6.2 SPS akan membuat saringan calon berdasarkan syarat yang ditetapkan dan akan mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Biasiswa Kesidang untuk pemilihan dan kelulusan melalui proses temuduga/penilaian.
- 6.3 Hanya permohonan yang melepasi tahap saringan akan dibawa untuk temuduga/penilaian.
- 6.4 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan kedudukan kewangan peruntukan biasiswa dari semasa ke semasa.
- 6.5 Keputusan pemilihan adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

7.0 SYARAT TAWARAN

- 7.1 Syarat tawaran Biasiswa Kesidang adalah seperti berikut:
 - i. Penerima perlu menamatkan pengajian dalam tempoh pembiayaan biasiswa;
 - ii. Penerima perlu memastikan pendaftaran dan status aktif pada setiap semester dalam tempoh pembiayaan biasiswa;

- iii. Penerima perlu mengekalkan Kedudukan Baik (KB) setiap semester dalam tempoh pembiayaan biasiswa; dan
- iv. Penerima tidak menerima sebarang pembiayaan/pinjaman lain yang membiayai Yuran Pelajaran dalam tempoh pembiayaan biasiswa.

8.0 TANGGUNGJAWAB PENERIMA BIASISWA

8.1 Tanggungjawab penerima biasiswa adalah seperti berikut:

- i. Menamatkan pengajian dalam tempoh pembiayaan biasiswa. Sekiranya pelajar tidak menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan segala yuran/kos berkaitan adalah di bawah tanggungan pelajar.
- ii. Memastikan pendaftaran semester pada setiap semester.
- iii. Memastikan kedudukan akademik dengan Kedudukan Baik (KB) dan lulus semua kursus pada setiap semester. Sebarang kursus ulangan (UM) adalah di bawah tanggungan pelajar.
- iv. Tidak dibenarkan menangguhkan pengajian kecuali disebabkan masalah kesihatan/kepentingan negara. Pembiayaan biasiswa akan terbatal serta merta sekiranya pelajar menangguhkan pengajian selain dari masalah kesihatan/kepentingan negara.
- v. Tidak menerima sebarang pembiayaan/pinjaman lain yang membiayai Yuran Pelajaran dalam tempoh pembiayaan Biasiswa Kesidang.
- vi. Mematuhi segala peraturan yang berkuatkuasa/ditetapkan oleh universiti.

9.0 INSENTIF PENERBITAN JURNAL DAN KETERLIBATAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

9.1 Insentif Penerbitan Jurnal

- 9.1.1 Biasiswa Kesidang menawarkan insentif penerbitan kepada penerima biasiswa yang menerbitkan jurnal berindeks WOS/SCOPUS/ERA.
- 9.1.2 Insentif ini terbuka kepada semua penerima yang mengikuti program penyelidikan dan kerja kursus yang berjaya menerbitkan jurnal berindeks dalam tempoh pembiayaan biasiswa.
- 9.1.3 Insentif penerbitan jurnal ditawarkan mengikut jurnal dan kategori jurnal seperti seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Insentif penerbitan mengikut jurnal dan kategori jurnal

Jurnal	Kategori Jurnal	Insentif (RM)
WOS	WOS (Q1)	1500.00
	WOS (Q2)	1000.00
	WOS (Q3)	700.00
SCOPUS/ERA	-	500.00

- 9.1.4 Penerima perlu menyerahkan jurnal penyelidikan berindeks WOS/SCOPUS/ERA (*Paper Published*) berserta dengan pengesahan penerbitan oleh Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) kepada SPS dalam tempoh pembiayaan yang ditetapkan.
- 9.1.5 Penerima perlu menjadi penulis pertama jurnal atau penulis kedua Jurnal (sekiranya penyelia menjadi penulis pertama).
- 9.1.6 Setiap jurnal yang diterbitkan mestilah menyatakan penghargaan (*Acknowledgement*) penyelidikan yang dibiayai oleh Biasiswa Kesidang. Jurnal yang tidak menyatakan penghargaan tersebut tidak akan diambilkira untuk tuntutan insentif penerbitan.
- 9.1.7 Insentif penerbitan akan dibayar secara '*one off*' bagi setiap jurnal yang diterbitkan oleh penerima biasiswa seperti di Jadual 2.

9.2 Insentif Keterlibatan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

- 9.2.1 Tertakluk kepada keperluan Fakulti, penerima biasiswa boleh dilantik untuk membantu dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang ditentukan oleh Fakulti tertakluk kepada maksimum 6 jam seminggu.
- 9.2.2 Insentif keterlibatan dalam pengajaran dan pembelajaran ditawarkan mengikut jam berdasarkan kadar bayaran fasilitator sambil mengikut kategori perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41-44 berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005 dan Pekeliling Bendahari Bil. 2/2007 seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Insentif bantuan pengajaran dan pembelajaran

Insentif/ Per Jam (RM)	Jumlah Jam	Jumlah (RM)
80.00	6 jam (seminggu)	480.00
	24 jam (sebulan)	1,920.00

9.2.3 Proses lantikan adalah di peringkat Fakulti dan pelantikan perlu diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Fakulti juga perlu menyediakan tugas-tugas dan memantau pelaksanaan tugas-tugas yang diberikan dalam membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

9.2.4 Salinan surat lantikan, jadual tugas dengan pengesahan Dekan Fakulti perlu diserahkan kepada SPS.

9.2.5 Tuntutan boleh dibuat secara bulanan setelah tugas diselesaikan.

9.3 Selain daripada itu, penerima biasiswa juga digalakkan untuk mendapatkan pembiayaan lain yang membiayai elaun sara hidup seperti *Graduate Research Assistant (GRA)* tertakluk kepada kekosongan dan syarat yang telah ditetapkan.

10.0 PENAMATAN BIASISWA

10.1 Biasiswa akan ditamatkan berdasarkan situasi berikut:

- i. Pelajar menerima tajaan lain yang membiayai Yuran Pelajaran dalam tempoh pembiayaan.
- ii. Telah mencapai tempoh maksimum pembiayaan biasiswa iaitu maksimum enam (6) semester bagi PhD dan empat (4) semester bagi sarjana.
- iii. Tidak mendaftar semester pada sesuatu semester (Tidak Aktif).
- iv. Gagal mengekalkan Kedudukan Baik (KB) setiap semester dalam tempoh pembiayaan.
- v. Menangguhkan pengajian selain dari masalah kesihatan/kepentingan negara.
- vi. Menarik diri dari pengajian.
- vii. Menarik diri dari meneruskan biasiswa.
- viii. Diberhentikan dari pengajian.
- ix. Melanggar mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

 Borang Permohonan :



 Hubungi :

06-2702788/2681

 E-mail :

pg.kesidangscholarship@utem.edu.my

